

# Canselor UMS beri sumbangan bantu ringan beban Crisnanalina

UB 12.10.2024 P.08

**KOTA KINABALU:** Prihatin terhadap kesukaran yang dihadapi Crisnanalina Jumis yang berasal dari Paitan untuk mendaftar bagi kemasukan ke Universiti Malaysia Sabah(UMS), Yang Dipertua Negeri Tun Juhan Mahiruddin berkenan untuk memberikan sumbangan bagi membolehkan beliau melanjutkan pengajian ke UMS.

Menurut kenyataan dari Istana Negeri Sabah, di samping sumbangan bantuan komputer riba dan bantuan perbelanjaan bagi persiapan Crisnanalina untuk mendaftar di UMS, Juhan juga akan membantu menyelesaikan yuran pendaftaran kemasukan beliau ke UMS.

“Bantuan ini adalah sumbangan prihatin daripada Juhan yang mahu Crisnanalina menerima kemudahan secukupnya bagi membolehkan beliau menyambung pengajian ke universiti.

“Sebagai Canselor UMS, perkara berkaitan kebaikan pelajar khususnya amat dekat di hati Juhan, justeru bantuan ini diharap sedikit sebanyak meringankan beban serta menguatkan semangat Crisnanalina untuk menempuh kehidupan sepanjang berada dalam pengajian,” demikian menurut kenyataan itu.



**JUHAR**

Sebuah akbar tempatan sebelum ini melaporkan Crisnanalina yang berasal dari Kg. Dalamas, Paitan, Sabah menghadapi kesukaran untuk membayar yuran pendaftaran serta pelbagai perbelanjaan yang berkaitan dan memohon bantuan dari pelbagai pihak bagi membolehkan beliau mendaftar dan memulakan pengajian.

Susulan itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor telah mengarahkan Bahagian Kebajikan dan Ke-wangan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS untuk berhubung dengan pelajar itu bagi memudahkan urusan pendaftaran kemasukan ke universiti.